

16/05/1999

Malaysia di landasan betul ke arah pemulihan

PRESIDEN Bank Dunia, James D Wolfensohn yang memuji kemajuan pemulihan ekonomi Malaysia kelmarin, sekali lagi melahirkan keyakinan yang negara berupaya mencecah pertumbuhan pada kadar lima peratus tahun depan.

Katanya, ini berikutan Malaysia berada pada landasan betul ke arah pemulihan mapan hasil pelbagai langkah diusahakan sejak kebelakangan ini terutama dalam pengurusan ekonomi makro.

"Malaysia sudah melakukan yang terbaik dan kini mereka menjana dana menerusi terbitan bon.

"Pada masa yang sama, kita bersedia memberi bantuan kepada Malaysia," katanya dalam sidang akhbar di Langkawi, semalam.

Wolfensohn berada di Langkawi untuk menghadiri mesyuarat dua hari Apec keenam, di sini.

Kajian separuh penggal Rancangan Malaysia Ketujuh yang dibentangkan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bulan lalu mengunjurkan pertumbuhan lima peratus tahun depan daripada jangkaan satu peratus tahun ini. Tahun lalu, ekonomi negara menguncup 6.7 peratus.

(END)